

**PROSPEK DAN CABARAN BAGI MENGEKALKAN STATUS TANAH
RIZAB MELAYU PADA ABAD KE-21**

NURNABIHAH BINTI ZULKAPAR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PSZ 19:16 (Pind. 1/11)

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Nama Penulis : NURNABIHAH BINTI ZULKAPAR
Tarikh Lahir : 26 MEI 1992
Judul : PROSPEK DAN CABARAN BAGI MENGEKALKAN STATUS TANAH RIZAB MELAYU PADA ABAD KE-21
Sesi Akademik : 2015/2016

Saya mengesahkan tesis ini diklasifikasikan sebagai :

- SULIT** (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)*
- TIDAK TERHAD** Saya bersetuju bahawa tesis saya boleh diterbitkan sebagai Tidak Terhad (Lengkap)

Saya mengesahkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia berhak untuk :

1. Tesis ini adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

Disahkan oleh:

Tandatangan Penulis

920526-04-5134
(No. KP/No. Pasport)
Date: 25 JUN 2016

Tandatangan Penyelia

SR DR TAN LIAT CHOON
Nama Penyelia
Date: 25 JUN 2016

NOTES: * Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

PENGESAHAN PENYELIA

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik) ”

Tandatangan :

Nama Penyelia : SR. DR. TAN LIAT CHOON

Tarikh : 25 JUN 2016

**PROSPEK DAN CABARAN BAGI MENGEKALKAN STATUS TANAH RIZAB
MELAYU PADA ABAD KE-21**

NURNABIHAH BINTI ZULKAPAR

Tesis ini dikemukakan

sebagai memenuhi syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)

Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah

Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2016

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

Tandatangan:

Tarikh : NURNABIHAH BINTI ZULKAPAR

Tarikh : 25 JUN 2016

DEDIKASI

BERSYUKUR KE HADRAT ILAHI

Memberikan kesihatan yang baik, kekuatan dan rezeki

Istimewa buat ayahanda dan bonda tersayang

Terima kasih yang tidak terhingga atas doa dan restu yang berpanjangan
sebagai pendorong kejayaan

Buat penyelia yang dihormati

Jutaan terima kasih kerana sudi memberi tunjuk ajar dan menyampaikan
ilmu yang sangat berguna tanpa rasa jemu untuk kejayaan ini. Jasa kalian akan
dikenang sehingga akhir hayat.

Kepada rakan seperjuangan

Semoga kalian semua berjaya dalam mencapai apa yang diinginkan

IN SHAA ALLAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan juga keizinan-Nya telah memberikan saya kesihatan yang baik, keupayaan dan kesempatan untuk menyiapkan Projek Sarjana Muda ini. Penghargaan ini khas ditujukan kepada penyelia projek iaitu Sr. Dr. Tan Liat Choon yang telah banyak membimbing dan meberikan tunjuk ajar di sepanjang pengajian dan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau kerana telah banyak memberi nasihat dan pandangan yang amat berharga dalam menjayakan kajian ini.

Tidak dilupakan juga kepada kepada kakitangan Pejabat Tanah dan Daerah Kulai, Pejabat Tanah dan Daerah Pontian dan Pejabat Tanah dan Daerah Johor Bahru terutama yang berkhidmat di bahagian Rizab Melayu yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam melaksanakan penyelidikan ini. Di samping itu juga ribuan terima kasih kepada penduduk-penduduk kampung yang terlibat terutama penduduk di daerah Segamat, Muar, Johor Bahru juga Pontian yang telah banyak meluangkan masa untuk turut sama memberikan sokongan dalam kajian ini.

Akhir penghargaan juga ditujukan kepada mereka yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini. Segala tunjuk ajar, bimbingan dan juga sokongan yang diberikan oleh anda semua amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

ABSTRAK

Tanah Rizab Melayu merupakan tanah yang telah dirizabkan hanya untuk orang Melayu sahaja. Tanah ini boleh diurusniaga oleh orang Melayu sahaja. Urusniaga yang dimaksudkan adalah merangkumi penjualan dan pembelian tanah, pindahmilik, gadaian serta pajakan. Undang-undang Tanah Rizab Melayu yang digubal oleh pihak British mempunyai pelbagai sekatan, ia tidak boleh dijual, dipajak, dipindahmilik dan digadai kepada orang bukan Melayu. Walau bagaimanapun, penyusutan keluasan Tanah Rizab Melayu masih berlaku sehingga kini. Hal ini kerana terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada penyusutan nilai keluasan tanah tersebut. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti masalah dan cabaran yang melibatkan Tanah Rizab Melayu dan juga faktor penyusutan keluasan serta cara bagi mengekalkan keluasan Tanah Rizab Melayu. Data-data bagi kajian ini adalah diperolehi daripada beberapa agensi kerajaan dan pemilik Tanah Rizab Melayu di sekitar kawasan kajian dan kaedah yang digunakan untuk menganalisis maklumat adalah dengan menggunakan analisis diskriptif. Melalui kajian awal yang dijalankan, penulis mendapati terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan berlakunya penyusutan keluasan Tanah Rizab Melayu antaranya adalah tanah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk membina kemudahan awan tetapi tidak digantikan semula tanah yang diambil dengan nilai keluasan yang sama. Selain itu, terdapat juga beberapa pemilik tanah yang menjualkan atau memajakkan tanah mereka kepada bukan Melayu. Oleh itu, kajian ini juga membincangkan mengenai langkah-langkah yang seharusnya diambil oleh pihak berkuasa bagi mengekalkan keluasan Tanah Rizab Melayu terutama bagi kawasan yang berlaku banyak penyusutan keluasan.

ABSTRACT

Malay Reserve Land is land which was reserved only for alienation to the Malays only. It can only be transacted between the Malays. Transaction here includes sales and purchase of the land, transfer of title, mortgage and lease. There are various sections in Malay Reservation Enactment for Malay Reservation Land which has been enacted by the British. This land is restricted from sale, lease, transfer of title and mortgage to the non-Malays. However, the decreases of Malay Reserve Land area is still happen until now. This is because there are several factors that contributed to the decreases of the land area. This study was conducted to identify issues and challenges involving Malay Reserve Land and also the factor that decreases the area as well as how to maintain an area of Malay Reserve Land. The data collected for this study was obtained from a several government agencies and the owner of Malay Reserve Land around the study area and the methods used to analyze the information by using descriptive analysis. Through a preliminary study conducted, the authors found that there were several factors that caused the decreases in the area of Malay Reserve Land, which is land taken by the state authorities to build a public interest but do not replace land taken by the same area. In addition, there are also several land owners who sell or lease their land to non-Malays. Therefore, this study also discussed the steps that should be taken by the authorities to maintain the area of Malay Reserve Land, especially for the area which goes more decreases area.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | HALAMAN |
|------------|-----------------------|----------------|
| | PENGAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xi |
| | SENARAI RAJAH | xii |
| | SENARAI SINGKATAN | xiii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xiv |
| 1 | Pengenalan | |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Penyataan Masalah | 3 |
| | 1.3 Objektif Kajian | 4 |

| | | |
|-----|----------------------|---|
| 1.4 | Skop Kajian | 5 |
| | 1.5.1 Data | 5 |
| | 1.5.2 Kawasan Kajian | 6 |
| 1.5 | Batasan Kajian | 7 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 7 |

2 SEJARAH DAN PENGENALAN KEPADA TANAH

RIZAB MELAYU

| | | |
|-----|---|----|
| 2.1 | Pengenalan | 9 |
| 2.2 | Sejarah Pembentukan Tanah Rizab Melayu | 10 |
| 2.3 | Takrif Melayu | 10 |
| | 2.3.1 Enakmen Rizab Melayu | 11 |
| | 2.3.1.1 ERM Kelantan 1930 | 12 |
| | 2.3.1.2 ERM Kedah 1931 | 13 |
| | 2.3.1.3 ERM Perlis 1935 | 13 |
| | 2.3.1.4 ERM Johor 1936 | 13 |
| | 2.3.1.5 ERM Terengganu 1941 | 14 |
| | 2.3.2 Perlembagaan Persekutuan | 15 |
| 2.4 | Definisi Tanah Rizab Melayu | 15 |
| 2.5 | Tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia | 16 |
| 2.6 | Keluasan Tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia | 17 |
| 2.7 | Pengurangan Tanah Rizab Melayu dan Kesannya Terhadap Masyarakat Melayu | 19 |

| | | |
|----------|--|----|
| 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 21 |
| 3.2 | Peringkat 1 : Kajian Awal | 23 |
| 3.3 | Peringkat 2 : Pengumpulan Data Dan Maklumat | 24 |
| 3.3.1 | Data Primer | 24 |
| 3.3.2 | Data Sekunder | 25 |
| 3.4 | Peringkat 3 : Menganalisis Maklumat | 27 |
| 3.5 | Peringkat 4 : Kesimpulan Dan Cadangan | 28 |
| | | |
| 4 | ANALISIS KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 29 |
| 4.2 | Kaedah Analisis Data | 30 |
| 4.3 | Analisis Mengenai Masalah Dan Halangan Bagi Mengekalkan Tanah Rizab Melayu Dari Perspektif Pemilik Tanah | 30 |
| 4.4 | Hasil Analisis Kajian | 31 |
| 4.4.1 | Kurang Pengetahuan Terhadap Tanah Rizab Melayu | 32 |
| 4.4.2 | Nilai Pasaran Tanah Rizab Melayu | 34 |
| 4.4.3 | Lokasi dan Kemudahan Infrastruktur | 36 |
| 4.4.4 | Keberkesanan Sekatan Terhadap Tanah Rizab Melayu | 38 |
| 4.4.5 | Pengambilan Tanah Rizab Melayu Oleh Pihak Tertentu | 39 |
| 4.5 | Kesimpulan | 40 |

| | | |
|----------|--|----|
| 5 | CADANGAN DAN KESIMPULAN | |
| 5.1 | Pengenalan | 41 |
| 5.2 | Cadangan Penyelesaian | 42 |
| 5.2.1 | Mengisytiharkan Lebih Banyak Kawasan Sebagai Tanah Rizab Melayu | 42 |
| 5.2.2 | Memperketatkan Sekatan Urusniaga Terhadap Tanah Rizab Melayu | 43 |
| 5.2.3 | Mewujudkan Sistem Inventori Maklumat | 44 |
| 5.2.4 | Tidak Mengenakan Caj Terhadap Tanah Rizab Melayu | 45 |
| 5.2.5 | Meningkatkan Kualiti Kemudahan Awam Dan Infrastruktur | 45 |
| 5.3 | Penemuan Dan Pencapaian Objektif | 46 |
| 5.4 | Cadangan Kajian Lanjutan | 48 |
| 5.5 | Kesimpulan | 49 |
| | RUJUKAN | 50 |
| | LAMPIRAN A | 52 |
| | LAMPIRAN B | 56 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|-------------------|---|----------------|
| 1 | Data Daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian 2009 | 17 |
| 2 | Tanah Rizab Melayu Semenanjung Malaysia 1913-2005 | 18 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|-------------------|---|----------------|
| 1 | Daerah-daerah Yang Terdapat di Negeri Johor | 6 |
| 2 | Data Daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian 2009 | 18 |
| 3 | Carta Alir Metodologi Kajian | 22 |
| 4 | Tahap Pengetahuan Pemilik Tanah Rizab Melayu | 32 |
| 5 | Faktor Yang Menyumbang Kepada Penjualan Tanah Rizab Melayu | 34 |
| 6 | Peratusan Persetujuan Responden Terhadap Halangan Berkaitan Tanah Rizab Melayu | 37 |
| 7 | Peratusan Persetujuan Responden Terhadap Keberkesanan Sekatan Terhadap Tanah Rizab Melayu | 38 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|--------|---|---|
| APT | - | Akta Pengambilan Tanah |
| PTD | - | Pejabat Tanah Dan Daerah |
| JUPEM | - | Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia |
| ERM | - | Enakmen Rizab Melayu |
| TRM | - | Tanah Rizab Melayu |
| FELDA | - | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan |
| FELCRA | - | Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Persekutuan |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | HALAMAN |
|-----------------|-----------------------------------|----------------|
| A | Borang Soal Selidik Pegawai | 52 |
| B | Borang Soal Selidik Pemilik Tanah | 56 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tanah merupakan salah satu faktor ekonomi yang paling penting dalam sesuatu masyarakat. Bagi masyarakat Melayu, bentuk penggunaan tanah dari masa dahulu sehingga masa kini mempunyai banyak kaitannya dengan nilai-nilai sosial dan undang-undang adat tanah. Ia telah wujud di Tanah Melayu sebelum Merdeka lagi melalui Enakmen yang digubal oleh Pentadbiran kolonial British.

"Tanah Rizab Melayu" merujuk kepada kategori khas tanah yang terbatas dalam lingkungan sempadan sebuah negeri yang hanya dapat dimiliki dan diuruskan oleh orang Melayu atau orang-orang yang dianggap penduduk asli negeri tersebut. Artikel 89(6) Persekutuan Perlembagaan 1957, mentakrifkan "Rizab Melayu" sebagai tanah yang dirizabkan bagi pemberimilikan untuk orang Melayu atau masyarakat peribumi negeri di mana ia terletak. Pengisytiharan mana-mana kawasan tanah sebagai Rizab Melayu mesti mengikut prosedur tertentu dalam perlembagaan dan akta seperti pengisytiharan dan disiarkan dalam Warta (Perlembagaan Persekutuan 1957, 2005).

Walaupun terdapat banyak faktor yang menyebabkan peningkatan peratusan kawasan Tanah Rizab Melayu menjadi berkurangan seperti yang didedahkan oleh kajian sebelumnya, tetapi tiada banyak usaha yang berkesan dijalankan untuk meningkatkan peratusan tersebut (Abdul Halim, 2014). Orang Melayu seolah-olah melupakan sejarah dan falsafah kewujudan Tanah Rizab Melayu yang telah diwujudkan semenjak zaman penjajahan British. Kebimbangan Raja-Raja Melayu khususnya Sultan Perak, terhadap pelupusan tanah dalam kalangan masyarakat Melayu tanpa kawalan merupakan salah satu perkara yang perlu diambil perhatian Pihak Berkuasa Negeri (Utusan Malaysia, 17 September 2014).

Kebimbangan ini wujud disebabkan masyarakat Melayu pada tahun 1930-an telah menggadaikan tanah mereka kepada yang kaum bukan Melayu kerana faktor-faktor ekonomi seperti menolak hutang. Bagi menyelesaikan hutang-hutang tersebut, masyarakat Melayu yang terlibat telah menjual tanah mereka kepada orang bukan Melayu. Selain daripada masalah hutang, terdapat juga pelbagai masalah lain, ini termasuklah kekurangan kemudahan kredit, penternakan tradisional, pengeluaran hasil pertanian yang rendah, teknik pemasaran yang lemah, infrastruktur yang kurang, masalah pengangkutan, eksploitasi orang tengah, pengurusan yang lemah dan masalah yang berkaitan dengan kemiskinan Melayu (Abdul Halim, 2014).

Oleh itu, Enakmen Tanah Rizab Melayu telah dicipta pada tahun 1913. Enakmen ini telah diperkenalkan untuk mencegah penukaran tanah tradisional kepada orang-orang bukan Melayu dan memastikan kawasan penanaman padi yang mampan dan orang-orang Melayu akan terus terlibat dalam penanaman padi. Enakmen ini juga bertujuan untuk mengelakkan masyarakat Melayu mendapatkan keuntungan segera melalui penjualan tanah untuk perladangan dan aktiviti-aktiviti komersil lain. Ia juga menghalang orang Melayu yang berhutang menjual tanah mereka kepada pemberi pinjaman. Cadangan awal bagi Tanah Rizab Melayu hanya bermula di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Enakmen Rizab Melayu 1913 telah dipinda dan digantikan kepada Enakmen Rizab Melayu 1933 yang mula berkuatkuasa pada 15 Disember 1933.

1.2 Pernyataan Masalah

Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada penyusutan kawasan Tanah Rizab Melayu. Sebagai contoh, tanah dijual untuk keuntungan segera, menjual atau mencagarkan tanah kepada orang bukan Melayu serta pengambilan semula tanah oleh pihak kerajaan untuk kepentingan awam tanpa digantikan semula (Siti Nursyahidah, 2014).

Keputusan kajian yang dijalankan oleh Mohd Hasrol Haffiz Aliasak pada tahun 2009 hingga 2011 menunjukkan bahawa hampir 75 peratus responden menjual tanah mereka untuk mendapat manfaat serta-merta. Sehingga kini, jumlah Tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia tidak termasuk Melaka dan Pulau Pinang hanya mmencapai 11.99 peratus berbanding dengan jumlah peruntukan sebenar sebanyak 50 peratus (Muhammad Nuruddin, 2015).

Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak pemilikan dan pelucuthakan harta tanah hanya boleh dilakukan menurut undang-undang dan dibayar dengan pampasan yang mencukupi. Oleh yang demikian, Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT) telah diluluskan dan diterima pakai. APT adalah tujuan utama dalam proses pengambilalihan tanah dan membayar pampasan yang mencukupi. Dalam konteks pembangunan ekonomi, Seksyen 3 APT menyatakan bahawa tanah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa negeri seharusnya untuk kegunaan awam atau sekiranya jika ia dikehendaki oleh mana-mana orang atau entiti untuk mana-mana tujuan yang pada pendapat pihak berkuasa negeri adalah berfaedah dan memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi Malaysia atau bagi maksud perlombongan atau kediaman , tujuan pertanian dan komersial, perdagangan, perindustrian dan rekreasi, atau gabungan antara keperluan tersebut.

Selain itu, faktor lain yang menyebabkan pengurangan Tanah Rizab Melayu adalah pengambilan tanah oleh kerajaan bagi kepentingan awam tanpa digantikan atau menggantikannya dengan kawasan yang berbeza. Sebagai contoh, Kerajaan mengambil tanah seluas 100 ekar tetapi hanya menggantikannya dengan tanah seluas 80 ekar. Tanah Rizab Melayu yang mempunyai status pembatalan rizab perlu diganti dengan segera (Siti Nursyahidah, 2014).

Seperti yang dapat kita lihat, pada tahun 2007, Kerajaan Persekutuan mengumumkan pelan pembangunan koridor (Koridor Ekonomi Wilayah Timur) yang meliputi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Mersing serta (Koridor Ekonomi Wilayah Utara) yang meliputi negeri Perak, Kedah, Perlis dan Wilayah Pembangunan Iskandar Johor yang merangkumi Johor Bahru, Nusajaya, Tanjung Piai, Pasir Gudang dan Senai. Hampir 66,736 km persegi tanah dianggarkan terjejas dan 40 peratus daripadanya adalah Tanah Rizab Melayu. Pemilik tanah diberi pilihan sama ada menerima unit amanah atau menjual tanah tersebut kepada sebuah badan atau syarikat-syarikat amanah yang diluluskan untuk pembangunan tersebut tetapi tidak menggantikan tanah yang telah diambil dengan nilai tanah yang sama dan kawasan.

1.3 Objektif Kajian

Untuk mencapai matlamat tersebut, tiga objektif telah ditentukan dalam kajian ini:

- 1) Untuk mengenalpasti masalah dan cabaran-cabaran berkenaan Tanah Rizab Melayu
- 2) Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan pengurangan Tanah Rizab Melayu
- 3) Untuk mengkaji langkah-langkah bagi mengekalkan status Tanah Rizab Melayu

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor utama yang menyebabkan penurunan Tanah Rizab Melayu di kawasan kajian iaitu Johor. Bagi mendapatkan maklumat tentang penurunan ini, ia melibatkan penduduk setempat dan pegawai kerajaan di sekitar kawasan kajian. Daripada kajian ini, penulis ingin memberi tumpuan kepada faktor dari pemilik tanah yang tertentu dan juga pihak berkuasa yang terlibat dalam urusan Tanah Rizab Melayu.

1.4.1 Data

Data kajian diperoleh dari sumber data primer dan data sekunder. Data primer adalah hasil daripada bahan bacaan seperti artikel akhbar, jurnal, kertas seminar, buku undang-undang dan sebagainya. Manakala data sekunder adalah hasil daripada temubual bersama beberapa orang pegawai dari Pejabat Tanah dan Daerah antaranya adalah dari PTD Segamat, PTD Pontian dan PTD Kulai. Selain itu data sekunder juga diperoleh daripada pemilik Tanah Rizab Melayu yang terdiri daripada 15 responden dari daerah Segamat iaitu pemilik tanah dari Kampung Batu Lima, Kampung Tebing Tinggi, Pagoh dan Labis. Selain itu, 15 responden lagi terdiri daripada pemilik tanah di daerah Muar yang merangkumi kawasan Kampung Raja, Kampung Panchor, Kampung Bukit Gambir dan Kampung Durian Chondong. Manakala 20 responden adalah pemilik tanah dari daerah Pontian iaitu dari Kampung Chokoh, Pekan Nanas dan Kampung Ayer Baloi.

1.4.2 Kawasan Kajian

Johor Darul Ta'zim merupakan sebuah negeri yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadanan dengan negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang. Negeri Johor juga dikelilingi oleh perairan Laut China Selatan di bahagian timur, Selat Tebrau di bahagian selatan serta Selat Melaka di bahagian barat. Dengan keluasan kira-kira 19,210 kilometer persegi, Johor merupakan negeri ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia dan mempunyai jumlah penduduk kedua terbesar selepas negeri Selangor. Terdapat 10 daerah di dalam negeri Johor iaitu daerah Segamat, Ledang, Muar, Batu Pahat, Pontian, Johor Bahru, Kulai Jaya, Kluang, Kota Tinggi dan Mersing. Kawasan kajian adalah terdiri dari beberapa daerah di Johor iaitu daerah Segamat, Muar, Pontian dan Kulai Jaya.



Rajah 1 : Daerah-daerah yang terdapat di Negeri Johor

1.5 Batasan Kajian

Maklumat berkaitan Tanah Rizab Melayu merupakan maklumat rahsia jabatan. Oleh yang demikian, maklumat-maklumat utama berkaitan Tanah Rizab Melayu tidak dapat dilampirkan bersama di atas sebab-sebab tertentu. Bagi tujuan kajian ini, penggunaan sebahagian maklumat yang berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu seperti kawasan-kawasan yang berkaitan berserta status tanah berkenaan sahaja yang dibenarkan oleh pihak pengurusan JUPEM Negeri

1.6 Kepentingan Kajian

Isu berkaitan penyusutan kawasan Tanah Rizab Melayu telah lama dibincangkan oleh pelbagai pihak. Sama ada sedar atau tidak sedar oleh orang Melayu, semakin lama Tanah Rizab Melayu telah menjadi semakin berkurangan. Sehingga kini, hanya 1,578,263.91 hektar tanah rizab Melayu iaitu 11.99 peratus sahaja yang tinggal di seluruh negara (Aziz Muda, 2013). Keadaan ini jauh berbeza dengan apa yang telah diisytiharkan ketika Raja-Raja Melayu menandatangani kewujudan Perlembagaan Persekutuan pada 5 Ogos 1957, pengisytiharan telah dibuat bahawa tanah simpanan orang Melayu perlu dikekalkan pada nisbah 50 peratus, manakala selebihnya dapat diagihkan dengan kaum lain. Salah satu daripada Raja-Raja Melayu ada mengatakan bahawa "Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, Tanah Simpanan Melayu sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain" (Mohd. Azraie, 2014).

Oleh itu, kajian ini boleh membantu mengukuhkan status Tanah Rizab Melayu supaya ia dapat terus dikekalkan sebagai kawasan yang tertakluk dalam Perlembagaan Persekutuan 1957. Pihak-pihak yang terlibat seperti pihak kerajaan dan terutamanya orang Melayu boleh mendapat manfaat menerusi kajian ini. Tambahan, pihak berkuasa negeri Johor boleh menggunakan kajian ini sebagai satu sumber rujukan untuk meningkatkan dan mengekalkan peratusan Tanah Rizab Melayu di negeri ini dan juga meningkatkan statistik Tanah Rizab Melayu di Malaysia.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Tanah membawa maksud yang berbeza bergantung kepada persepsi dan keadaan tanah tersebut terhadap seseorang. Menurut pakar ekonomi, tanah adalah sumber dan merupakan salah satu daripada faktor-faktor pengeluaran hasil. Selain daripada itu, para pekerja dan usahawan berpendapat bahawa tanah dapat dimajukan dengan apa juga cara. Tanah kosong yang mempunyai potensi tinggi untuk pembangunan, boleh dibangunkan selepas mendapat kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan telah diluluskan. Bagi pakar dalam bidang pertanian, tanah boleh digunakan sebagai sumber untuk menghasilkan tanaman dan ternakan. Manakala bagi para penganalisa undang-undang juga melihat seluas dalam konteks pemilikan dan kepentingan tanah. Perkara 89 (2) Perlembagaan Persekutuan telah mengisytiharkan mana-mana tanah yang dimiliki oleh Persekutuan dan Negeri boleh diisytiharkan sebagai Tanah Rizab Melayu tanpa mengambil kira kepentingan masyarakat lain seperti yang dinyatakan dalam perkara 153 Perlembagaan Persekutuan (Persekutuan Perlembagaan 1957, 2005).

2.2 Sejarah Pembentukan Tanah Rizab Melayu

Sebelum kedatangan penjajah Barat ke Tanah Melayu, sistem undang-undang tanah yang digunakan pada masa itu adalah berdasarkan sistem adat resam. Dalam konteks ini, tanah adalah hakmilik bersama sesuatu kaum atau sekumpulan orang-orang yang telah menduduki tanah tersebut bagi jangka masa yang panjang. Pada masa itu, tiada sempadan tanah bagi mana-mana kumpulan atau individu dan ia secara langsung mewujudkan suasana kemasyarakatan antara satu sama lain. Pada tradisinya, ia diketuai oleh seorang Ketua Kampung atau Penghulu yang dilantik daripada kalangan mereka.

Menurut undang-undang terawal yang digunapakai oleh negeri-negeri Melayu menunjukkan bahawa Enakmen Rizab Melayu adalah undang-undang tanah yang pertama telah dikuatkuasakan iaitu pada tahun 1913 dan digunapakai di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Ia kemudiannya diikuti oleh Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu pada tahun 1930. Pada tahun 1911, enakmen yang sama telah disediakan untuk merizabkan tanah tetapi hanya dibuat untuk dikuatkuasakan dan dilaksanakan di bawah Enakmen Rizab Melayu 1913. Selain itu, terdapat juga polisi-polisi lain mengenai hak-hak Tanah Melayu yang khusus dan eksklusif yang diperkenalkan oleh British (Nor Asiah dan Bashiran Begum, 2009).

2.3 Takrif Melayu

Terdapat tiga kategori 'orang' yang boleh mengambil bahagian dengan sah dalam Enakmen Rizab Melayu (ERM), iaitu Melayu Definisi, Melayu Polisi dan Bukan Melayu. Orang yang termasuk dalam kategori Melayu Polisi dan Bukan Melayu boleh mengambil bahagian dalam ERM dalam kapasiti yang berlainan yang dinyatakan dengan jelas di dalam peruntukan ERM tersebut (Resali Muda, 2011).

2.3.1 Enakmen Rizab Melayu

Undang-undang Tanah Rizab Melayu telah diperkenalkan pada 1 Januari 1914. Selepas itu, Enakmen Rizab Melayu 1913 (ERM 1913) telah dikuatkuasakan di negeri-negeri yang dahulunya dikenali sebagai di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS) iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Enakmen Rizab Melayu 1913 telah dimansuhkan mulai 12 Disember 1933 dan digantikan dengan Enakmen Rizab Melayu 1933. Pada tahun 1935, ERM 1933 telah disemak dan diterbitkan semula sebagai ERM (FMS Seksyen 142) dan digunakan hingga ke hari ini. British tidak menggubal sebarang ERM di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.

Negeri-negeri lain kemudiannya turut mencipta ERM mereka sendiri, iaitu:-

- a) ERM Kelantan 1930
- b) ERM Kedah 1931
- c) ERM Perlis 1935
- d) ERM Johor 1936
- e) ERM Terengganu 1941

Menurut Enakmen Rizab Melayu 1931 (ERM 1931), mentakrifkan 'Melayu' adalah seperti berikut:

'Melayu ertinya seseorang daripada bangsa Melayu yang lazimnya bertutur dalam Bahasa Melayu dan menganut agama Islam' (Seksyen 2, Enakmen Rizab Melayu)

Enakmen Rizab Melayu (ERM) telah digubal di beberapa negeri, dan ini menyebabkan takrif 'Melayu' berubah sehingga 'Melayu' juga turut membawa maksud “sesiapa yang ditakrifkan sebagai Melayu” di dalam ERM. Walaupun definisi 'Melayu' dalam ERM setiap negeri berbeza-beza, tetapi ia tidak bertentangan dengan istilah 'Melayu' yang ditakrifkan di dalam Perlembagaan Persekutuan (Emie Mizura, 2008). Walaubagaimanapun, apabila terdapat keraguan sama ada seseorang itu Melayu atau tidak, ianya harus dirujuk kepada Raja yang berhak untuk membuat keputusan yang muktamad (Seksyen 14, Enakmen Tempahan Melayu).

Berikut adalah definisi 'Melayu' mengikut Enakmen Rizab Melayu mengikut negeri masing-masing:

2.3.1.1 Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930

‘Melayu’ ertinya seseorang yang berasal dari mana-mana bangsa "Malayan" yang bercakap mana-mana Bahasa Malayan dan memeluk agama Muhamad, ianya termasuk Majlis Agama Islam dan Pegawai Pemegang Harta yang bertindak sebagai pentadbir atau Pemegang Amanah bagi harta pusaka si mati orang Melayu. Kelantan juga memasukkan syarat “natif Kelantan” sebagai syarat memiliki tanah termasuk tanah dalam ERM Kelantan.

2.3.1.2 Enakmen Rizab Melayu Kedah 1931

'Melayu' ertinya seseorang yang berpegang teguh kepada Islam dan lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu serta salah seorang ibu bapanya adalah orang Melayu atau berketurunan Arab. Selain daripada itu, orang-orang Siam yang telah disahkan secara bertulis oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri sebagai seorang petani Siam yang bermastautin secara kekal di dalam negeri Kedah adalah juga diberi layanan sebagai orang Melayu.

2.3.1.3 Enakmen Rizab Melayu Perlis 1935

'Melayu' ertinya seseorang yang berasal dari mana-mana bangsa Malayan atau orang berketurunan Arab yang pada lazimnya bercakap Bahasa Melayu atau mana-mana bahasa Malayan dan memeluk agama Islam.

2.3.1.4 Enakmen Rizab Melayu Johor 1936

'Melayu' ertinya seorang yang berasal dari bangsa Melayu, atau mana-mana bangsa Malaysia yang pada lazimnya bercakap Bahasa Malayan dan memeluk Islam. Ia termasuk Pihak Berkuasa Kerajaan, Lembaga, Pertubuhan, Persatuan dan Syarikat-syarikat yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada enakmen.

2.3.1.5 Enakmen Rizab Melayu Terengganu 1941

'Melayu' ertinya seseorang yang berasal dari mana-mana bangsa Malayan yang pada lazimnya bercakap Melayu atau mana-mana Bahasa Malayan dan memeluk agama Islam.

Walaupun definisi 'Melayu' adalah berbeza tetapi ianya boleh disimpulkan bahawa 'Melayu' bagi maksud dalam ERM mempunyai tiga faktor yang sama iaitu;

- a) hendaklah Melayu atau Malayan (kecuali Kedah dan Perlis turut diiktiraf keturunan Arab)
- b) hendaklah pada lazimnya bercakap Melayu atau Malayan
- c) hendaklah Muslim

Walaupun kedua-dua ERM Kedah dan Perlis mengiktiraf keturunan Arab, tetapi terdapat juga perbezaan antara 'Melayu' Kedah dan 'Melayu' Perlis.

Pada kesimpulannya, untuk mencapai objektif Tanah Rizab Melayu, undang-undang dalam ERM telah menegaskan bahawa semua urusan transaksi atau pelupusan yang bertentangan dengan undang-undang adalah tidak sah.

Menurut kajian yang telah dijalankan pada kebelakangan ini, didapati bahawa keluasan kawasan Tanah Rizab Melayu semakin berkurangan selepas pengambilan semula untuk pembangunan semasa yang pesat dan tanpa diganti seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan.

2.3.2 Perlembagaan Persekutuan

Terdapat tiga kategori utama yang disifatkan sebagai 'Melayu', iaitu:

- a) Seseorang yang memeluk Islam, lazimnya bercakap Bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan lahir sebelum hari Merdeka di Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura atau bapa dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura pada hari Merdeka, ia menetap di Persekutuan Tanah Melayu atau di Singapura [Perkara 162 (2) Perlembagaan Persekutuan].
- b) Seseorang yang disifatkan sebagai Melayu bagi tujuan merizabkan tanah di bawah undang-undang negeri di mana ia berastautin [Perkara 89 (6) Perlembagaan Persekutuan].
- c) Di bawah peruntukan [Perkara 89 (6) Perlembagaan Persekutuan], iaitu berdasarkan Enakmen Tempahan Melayu.

2.4 Definisi Tanah Rizab Melayu

Tanah Rizab Melayu (Simpanan Melayu) adalah merujuk kepada tanah kategori khas yang terletak dalam sempadan Negeri masing-masing. Ianya hanya boleh dimiliki atau dipegang oleh orang Melayu. Sultan atau Pihak Berkuasa Negeri yang ingin melupuskan tanah dibawah ERM hanya boleh melupuskan tanah tersebut kepada orang Melayu sahaja. Maksud "Melayu" adalah bergantung kepada definisi dan yang ditentukan dalam undang-undang negeri masing-masing. Urusniaga berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu hanya boleh dilakukan antara Melayu dan sebarang campur tangan oleh orang bukan Melayu dalam urusniaga Tanah Rizab Melayu adalah tidak sah dan akan dibatalkan (Pakhriazad Hassan Zaki *et al.*, 2010).

Menurut Bashiran Begum (2007), perkara 89(6) Perlembagaan Persekutuan mendefinisikan Tanah Rizab Melayu sebagai tanah yang dikhaskan untuk pemilikan orang Melayu atau kaum peribumi di negeri di mana ia terletak. Perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah tidak semua tanah yang dimiliki oleh orang Melayu akan menjadi Tanah Rizab Melayu secara automatik. Tuan tanah yang berbangsa Melayu, atas budi bicara sendiri, boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengisytiharkan tanahnya sebagai Tanah Rizab Melayu.

2.5 Tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia

Di Malaysia, Tanah Rizab Melayu (TRM) adalah merujuk kepada tanah yang dimiliki oleh orang Melayu asli. TRM yang telah ditetapkan di bawah Enakmen Rizab Melayu (Bab 142) yang berkuatkuasa sejak 1913 dan dipinda dari masa ke semasa. Pada masa kini, kebanyakan Tanah Rizab Melayu ditinggalkan terbiar atau tidak digunakan untuk kegunaan yang ditetapkan (Rosly Hanif *et al.*, 2015).

Menurut laporan Ketua Audit Negara 2013, banyak Tanah Rizab Melayu telah ditukarkan statusnya untuk tujuan pembangunan, tanpa diganti atau mengambil masa yang terlalu lama untuk digantikan. Terdapat juga kes-kes di mana Pihak Berkuasa Negeri telah menukarkan Tanah Rizab kepada pegangan bebas bagi memberi peluang kepada warga asing untuk memiliki tanah di negara ini. Ini adalah bertentangan dengan hasrat Enakmen Rizab Melayu yang diperkenalkan pada tahun 1914 untuk mengekalkan tanah kepunyaan orang-orang Melayu terus didominasi oleh orang Melayu sepanjang zaman (Azhar Abu Samah, 2014). Perkara 89 (3) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Tanah Rizab Melayu yang dibatalkan dan dipindahmilik harus diganti dengan jenis keluasan yang sama dengan luas tanah yang telah dibatalkan.

2.6 Keluasan Tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia

Menurut Berita Harian Online yang bertarikh 16 September 2014, salah satu daripada tujuh wasiat oleh Majlis Raja-Raja Melayu ada menyatakan: "Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu, dan kami benarkan kamu untuk mengisytiharkan dan simpan untuk anak cucu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, Tanah Simpanan Melayu sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain" (Mohd Azraie 2015).


Di samping itu, banyak kes pengurangan Tanah Rizab Melayu bukan hanya berlaku di satu negeri sahaja, malah di beberapa negeri lain yang menunjukkan penurunan yang melebihi 50 peratus daripada jumlah asal yang telah diisytiharkan sebagai Tanah Rizab Melayu (Azhar Abu Samah, 2014).

Rajah 2, Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah, menunjukkan pecahan keluasan Tanah Rizab Melayu mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

| Negeri | Tanah Rizab/Adat (hektar) | Tanah Negeri (hektar) |
|-----------------|---------------------------|-----------------------|
| Johor | 195,262.42 | 1,898,688.00 |
| Kedah | 868,836.09 | 942,500.00 |
| Kelantan | 1,307,153.40 | 1,510,462.00 |
| Melaka | 187,378.34 | 165,200.00 |
| Negeri Sembilan | 161,982.75 | 665,709.00 |
| Pahang | 438,491.68 | 3,596,500.00 |
| Perak | 763,666.28 | 2,100,500.00 |
| Perlis | 37,348.53 | 79,500.00 |
| Pulau Pinang | 0.00 | 103,104.00 |
| Selangor | 126,227.34 | 793,020.00 |
| Terengganu | 118.21 | 1,295,514.00 |
| WP Kuala Lumpur | 803.43 | 24,270.00 |
| WP Putrajaya | 0.00 | 4,930.00 |
| JUMLAH | 4,087,268.47 | 13,179,897.00 |

Sumber Data: JKPTG/ BTUP, 2009

Jadual 1 : Data daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah Galian 2009



Rajah 2 : Data daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah Galian 2009

| Negeri | Luas Negeri (km ²) | 1921 | 1931 | 1947 | 1955 | 1998 | 2005 |
|-------------------|--------------------------------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| Perlis | 795 | | | 371.65 | 50.28 | 375 | 373.49 |
| Kedah | 9,426 | | | 8,081.62 | 1,278.04 | 8,394 | 8,688.36 |
| Federal Territory | 243 | | | | | 7.83 | 8.03 |
| N. Sembilan | 6,643 | 1,870.79 | 2,084.21 | 2,372.59 | 394.72 | 2,116 | 1,619.82 |
| Johor | 18,986 | | | 499.85 | 805.85 | 3,273 | 1,952.64 |
| Pahang | 35,964 | 540.05 | 2,754.79 | 2,993.93 | 2,183.26 | 4,361 | 4,384.91 |
| Terengganu | 12,955 | | | | 12.57 | 0.95 | 1.18 |
| Kelantan | 14,920 | | | 1,277.85 | 7,178.79 | 14,771 | 13,071.53 |
| Perak | 21,005 | 5,676.19 | 7,036.47 | 7,371.26 | 5,230.31 | 8,769 | 7,636.66 |
| Selangor | 7,955 | 365.03 | 869.27 | 1,258.45 | 445.01 | 1,792 | 1,262.27 |
| Penang | 1,030 | | | | | | |
| Melaka | 1,651 | | | | | | |
| Total | 131,573 | 8,452.06 | 12,744.74 | 24,227.20 | 17,578.83 | 43,859.78 | 38,998.89 |

Jadual 2 : Tanah Rizab Melayu, Semenanjung Malaysia 1913-2005

2.7 Pengurangan Tanah Rizab Melayu dan Kesannya Terhadap Masyarakat Melayu

Enakmen Rizab Melayu (ERM) adalah undang-undang yang mengawal pemilikan orang Melayu Tanah terhadap Tanah Rizab Melayu. Daripada kajian statistik yang dijalankan oleh Mohd Hasrol Haffiz Aliasak yang dilaporkan oleh akhbar Sinar Online pada 26 Oktober 2014 berkenaan Tanah Rizab Melayu pada masa kini menunjukkan kejatuhan kepada 12 peratus atau kekurangan 1.57 juta hektar pada tahun 2009, manakala jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu pada asalnya pada tahun 1913 adalah sebanyak 23.92 peratus atau keluasan 3.1 juta hektar (Siti Nursyahidah, 2014).

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan penurunan keluasan atau bilangan Tanah Rizab Melayu, antaranya adalah terdapat segelintir pemilik tanah telah menggadaikan atau menjual tanah mereka kepada orang bukan Melayu kerana faktor-faktor ekonomi, kekurangan infrastruktur, masalah pengangkutan untuk mengeksploitasi peraih, kurang arif dalam bidang pengurusan dan masalah-masalah lain yang berkaitan dengan orang Melayu (Abdul Halim, 2014).

Faktor lain yang menyebabkan penurunan keluasan atau bilangan Tanah Rizab Melayu ialah pengambilan tanah oleh pihak kerajaan untuk kepentingan awam tanpa diganti semula atau diganti dengan nilai keluasan yang tidak sama seperti Tanah Rizab Melayu yang telah diambil. Sebagai contoh, pihak kerajaan mengambil 100 ekar Tanah Rizab Melayu tetapi menggantikan hanya dengan keluasan 80 ekar. Tanah Rizab Melayu yang dibatalkan statusnya seharusnya digantikan semula dengan serta-merta (Siti Nursyahidah, 2014).

Selain itu, banyak Tanah Rizab Melayu yang telah dilucuthakan dan tidak digantikan sebagaimana yang dikehendaki oleh Enakmen Rizab Melayu terutamanya bagi Tanah Rizab Melayu yang terletak di bandar-bandar utama di Malaysia. Sebagai contoh, protes daripada penduduk-penduduk yang terjejas akibat pengambilan tanah untuk dijadikan sebagai tapak bagi Projek Pembangunan Semula Perkampungan Gelang Patah dan Projek Laluan Kedua ke Singapura. Pemilik-pemilik tanah mendakwa bahawa amaun pampasan yang ditawarkan adalah tidak mencukupi dan jauh lebih rendah daripada nilai tanah yang telah diambil (Mohd Hasrul Haffiz, 2008).

Tanah Rizab Melayu yang telah diambil untuk kepentingan awam tanpa diwartakan dan tidak digantikan semula juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pengurangan keluasan atau bilangan Tanah Rizab Melayu. Keluasan Tanah Rizab Melayu boleh ditambah dengan cara mewartakan mana-mana Tanah Rizab Kerajaan. Sebagai contoh, 10, 000 ekar Tanah Rizab Kerajaan diwartakan sebagai Tanah Rizab Melayu, manakala 10, 000 ekar yang lain hendaklah dibuka untuk pemilikan awam (Siti Nursyahidah, 2014).

Pendek kata kehilangan status Tanah Rizab Melayu yang berleluasa mungkin akan memberi kesan yang buruk terhadap keseimbangan pemilikan hartanah dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum dan juga akan mengancam kesejahteraan dan keamanan negara kita (Azhar Abu Samah, 2014).

BAB 3


METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menggariskan metodologi kajian yang digunakan di dalam kajian ini. Ianya merangkumi teknik persampelan, sumber data, kaedah pengumpulan data serta kaedah pemprosesan data. Metodologi kajian ialah satu proses yang digunakan untuk mengumpul data dan maklumat bagi tujuan kajian ini. Pada asasnya, metodologi kajian termasuk penyelidikan melalui penerbitan, temu bual, kaji selidik dan teknik-teknik lain dan termasuk maklumat semasa dan maklumat terdahulu.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada empat peringkat utama, iaitu seperti yang disenaraikan di bawah dan carta alir yang Rajah 3 menerangkan secara ringkas metodologi kajian yang dijalankan.

- a) Peringkat 1: Kajian Awalan
- b) Peringkat 2: Pengumpulan Data dan Maklumat
- c) Peringkat 3: Menganalisis Maklumat
- d) Peringkat 4: Rumusan dan Cadangan



Rajah 3: Carta Alir Metodologi Kajian

3.2 Peringkat 1: Kajian awal

Pada peringkat ini, ia melibatkan kerja-kerja awal sebelum analisis dijalankan. Perkara-perkara yang terkandung dalam peringkat ini adalah seperti berikut:

- a) Mengkaji isu-isu atau masalah yang wujud terhadap Tanah Rizab Melayu
 - Pembacaan dijalankan untuk mengetahui isu-isu semasa yang berkaitan melalui akhbar, laporan-laporan, kertas kerja, jurnal, penyelidikan yang pernah dijalankan dan sumber-sumber lain.
 - Antara isu yang sering berlaku adalah seperti status Tanah Rizab Melayu yang semakin terancam, pengurangan peratusan Tanah Rizab Melayu, Tanah Rizab Melayu yang dijual untuk mendapatkan keuntungan yang cepat, penggantian Tanah Rizab Melayu dan sebagainya.

- b) Mengkaji pendekatan yang boleh diambil untuk menangani isu dan masalah
 - Pendekatan atau langkah untuk menangani masalah tersebut boleh dilakukan dengan mengkaji faktor-faktor dan punca-punca masalah tersebut. Sebagai contoh, Tanah Rizab Melayu yang hilang boleh disebabkan oleh ketamakan pemilik yang mahukan keuntungan segera dengan menjual tanah kepada orang bukan Melayu, kekurangan pengetahuan dan pendedahan tentang kepentingan mengekalkan Tanah Rizab Melayu.

c) Penetapan matlamat dan objektif kajian

- Selepas mengetahui dan memahami isu-isu dan masalah-masalah, matlamat kajian ini dapat ditentukan.
- Matlamat kajian boleh dicapai dengan menentukan objektif kajian.

d) Skop kajian

- Skop kajian diperlukan untuk menjadikan kajian ini lebih terperinci berdasarkan objektif yang ingin dicapai.

3.3 Peringkat 2: Pengumpulan Data dan maklumat

Pada peringkat ini, pembacaan dan pemahaman kajian yang dijalankan dengan lebih mendalam dilakukan berdasarkan daripada dua sumber utama iaitu data primer dan data sekunder.

3.3.1 Data primer

Data primer adalah maklumat yang diperolehi melalui pembacaan buku, kertas seminar, jurnal, kertas kerja, internet, keratan akhbar dan sebagainya untuk memahami dan mengkaji secara terperinci tentang isu-isu dan masalah-masalah yang memberi kesan kepada Tanah Rizab Melayu. Pembacaan dalam bidang perundangan juga dilakukan seperti Perlembagaan Persekutuan, Enakmen Rizab Melayu, Kanun Tanah Negara dan sebagainya.

3.3.2 Data sekunder

Data sekunder adalah pendekatan lain yang digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat dalam kajian ini. Bagi kajian ini, kaedah kuantitatif dan kualitatif seperti kajian soal selidik dan kaedah temubual digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada beberapa pihak yang terlibat.

i. Borang soal selidik

Borang soal selidik merupakan kaedah yang menjadi pilihan yang mudah dan logik untuk mengumpulkan maklumat dari orang ramai. Sebenarnya, ia adalah agak sukar untuk merekabentuk soal selidik dan disebabkan kekerapan penggunaannya dalam semua konteks, kadar respon hampir selalu menjadi masalah kecuali ia mempunyai cara-cara untuk membolehkan responden melengkapkan borang soal selidik dengan serta-merta.

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi soalan tertutup, soalan terbuka dan soalan pilihan daripada pernyataan yang paling dekat respon.

Sebelum mengedarkan borang soal selidik, penyelidik perlu memastikan bahawa soalan yang dikemukakan adalah jelas dan boleh dipercayai untuk mengumpul dan menguruskan data. Penyediaan borang soal selidik yang boleh dibaca dan mudah difahami oleh responden merupakan satu idea yang terbaik dalam hasrat untuk mengumpul maklumbalas yang jumlahnya besar dianalisis secara statistik dan bukannya membaca setiap borang soal selidik dan memasukkan data secara manual.

Bagi memudahkan kajian ini dijalankan, soalan kaji selidik tersebut dibahagikan kepada beberapa bahagian antaranya adalah seperti berikut :

a) Bahagian A: Maklumat Peribadi Responden

Bahagian ini mengandungi soalan mengenai maklumat peribadi dan ia mestilah dilengkapi oleh responden. Ia mengandungi soalan asas seperti nama, jabatan dan jawatan responden.

b) Bahagian B: Pendapat Mengenai Topik Kajian

Dalam bahagian ini, responden dikehendaki menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan topik kajian.

c) Bahagian C: Tindakan Atau Penyelesaian

Dalam bahagian ini, responden perlu memberikan beberapa penyelesaian yang boleh diambil oleh mereka untuk mengatasi masalah.

ii. Temu bual dan Pengiktirafan

Temubual membolehkan perbincangan bersemuka dengan responden. Sebelum menjalankan temuduga, kaedah temuduga hendaklah ditetapkan dengan menentukan soalan-soalan yang ingin dikemukakan sama ada soalan tertutup atau soalan terbuka atau campuran antara keduanya. Soalan-soalan tertutup lebih cenderung digunakan untuk jawapan berupa fakta-fakta yang tetap seperti nama, nombor dan sebagainya. Responden tidak memerlukan soalan spekulasi dan mereka cenderung untuk memberi jawapan yang pendek. Ia akan dapat menguruskan data dan menentukan jawapan dengan mudah.

Masalah dengan soalan-soalan tertutup adalah jawapan yang diberikan oleh responden adalah terhad dan tidak membolehkan mereka berfikir secara mendalam atau menguji perasaan atau nilai yang sebenar. Tetapi, soalan terbuka dapat menghimpunkan jawapan yang ingin diberikan. Ia akan memberi idea yang baik dan membolehkan mereka berfikir dan bercakap dengan lebih lanjut dan menunjukkan perasaan dan pandangan mereka yang lebih terperinci. Tetapi ia agak sukar untuk menentukan keputusannya.

3.4 Peringkat 3: Menganalisis Maklumat

Peringkat ini dijalankan selepas pengumpulan data dan maklumat Analisis dijalankan untuk data primer dan data sekunder bagi memenuhi matlamat dan objektif kajian ini. Bagi menganalisis data, kaedah deskriptif akan digunakan. Maklum balas yang dikumpul membolehkan perbandingan persepsi antara kakitangan daripada beberapa pihak berkuasa kerajaan. Di samping itu, data temubual akan digunakan sebagai pengesahan kepada data yang diperolehi daripada borang kajian soal selidik.

3.5 Peringkat 4: Kesimpulan dan Cadangan

Pada peringkat ini, kesimpulan kepada permasalahan yang dikaji dan cadangan penyelesaian masalah dibuat setelah analisis kajian selesai dijalankan. Kesimpulan merangkumi keseluruhan keterangan dan ringkasan penemuan-penemuan kajian ini. Manakala cadangan dibuat sebagai langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan yang sedia ada hasil daripada kajian yang dijalankan.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan berkenaan dengan analisis data dan juga hasil daripada analisis yang telah dibuat. Ini bagi memastikan matlamat dan objektif kajian dicapai. Untuk memastikan kejayaan pada kajian ini, satu analisa telah dijalankan berdasarkan daripada kajian soal selidik dan temu bual bersama beberapa pihak yang berkaitan. Melalui analisa ini juga akan menunjukkan halangan dan cabaran dari pelbagai pihak untuk mengekalkan status Tanah Rizab Melayu terutamanya di kawasan kajian.

4.2 Kaedah Analisis Data

Bagi tujuan menganalisis data-data yang diperolehi, kaedah yang digunakan adalah analisis diskriptif. Analisis ini digunakan kerana data-data yang diperolehi adalah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif iaitu dari hasil kajian soal selidik dan temubual. Data-data yang akan dianalisis dengan melibatkan teknik huraian hasil daripada perolehan data. Perkara yang akan dianalisis adalah berkaitan dengan masalah dan halangan bagi mengekalkan Tanah Rizab Melayu di kawasan kajian.

4.3 Analisis Mengenai Masalah dan Halangan Bagi Mengekalkan Tanah Rizab Melayu Dari Perspektif Pemilik Tanah

Seperti yang diterangkan dalam Bab 2 sebelum ini, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya pengurangan keluasan Tanah Rizab Melayu. Antaranya adalah terdapat segelintir pemilik tanah telah menggadaikan atau menjual tanah mereka kepada orang bukan Melayu kerana faktor-faktor ekonomi, kekurangan infrastruktur, masalah pengangkutan untuk mengeksploitasi peraih, kurang arif dalam bidang pengurusan dan masalah yang berkaitan dengan orang Melayu

Selain daripada faktor-faktor yang disebutkan di atas, pengambilan tanah oleh pihak kerajaan untuk kepentingan awam tanpa digantikan semula atau tanah yang digantikan itu bukan dengan nilai dan keluasan yang sama seperti Tanah Rizab Melayu yang telah diambil juga menyebabkan penyumbang kepada pengurangan keluasan Tanah Rizab Melayu. Ini kerana tidak banyak kawasan yang mempunyai nilai dan keluasan yang sama yang boleh digantikan semula pada masa kini. Justeru itu, agak mustahil untuk pihak yang berkaitan menggantikan semula Tanah Rizab Melayu yang telah di gunakan.

Tambahan lagi, pasaran bagi pembangunan yang dibuat dia atas Tanah Rizab Melayu adalah terhad kepada orang Melayu. Akibat daripada pasaran yang terhad maka Tanah Rizab Melayu mempunyai nilai pasaran yang rendah. Orang Melayu sendiri lebih berminat untuk memiliki tanah selain dari Tanah Rizab Melayu kerana mereka percaya akan mendapat harga yang lebih baik jika hendak diurusniagakan semula.


Justeru itu, dalam temubual bersama-sama beberapa orang pegawai dari Pejabat Tanah dan Daerah dan juga pemilik-pemilik tanah, penulis telah dapat mengenalpasti masalah dan halangan yang berkaitan dengan status Tanah Rizab Melayu di kawasan kajian. Langkah-langkah atau cadangan yang boleh diambil bagi mengatasi halangan-halangan ini akan diterangkan secara lanjut dalam bab yang seterusnya.

4.4 Hasil Analisis Kajian

Hasil daripada analisis yang telah dijalankan, penulis mendapati bahawa halangan-halangan dan cabaran yang terlibat bagi mengekalkan status Tanah Rizab Melayu adalah melibatkan tahap pengetahuan tentang Tanah Rizab Melayu oleh pemilik tanah itu sendiri, nilai pasaran Tanah Rizab Melayu, faktor lokasi dan kemudahan infrastruktur, keberkesanan sekatan ke atas Tanah Rizab Melayu dan pengambilan Tanah Rizab Melayu oleh pihak tertentu. Berikut adalah penerangan kepada halangan dan cabaran.

4.4.1 Kurangnya Pengetahuan Terhadap Tanah Rizab Melayu

Sikap dan kekurangan pengetahuan dalam kalangan masyarakat Melayu adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kemerosotan tanah rizab Melayu pada masa kini. Mengikut analisis 60 peratus daripada responden mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana dan 13 peratus pula mempunyai tahap pengetahuan yang rendah mengenai Tanah Rizab Melayu, terutamanya dalam pengetahuan asas dan pengetahuan tentang bagaimana untuk mentadbir dan menguruskan tanah itu.



Rajah 4 : Tahap pengetahuan pemilik Tanah Rizab Melayu

Semenjak Tanah Rizab Melayu telah diperkenalkan oleh kerajaan British, orang Melayu masih berasa ragu-ragu. Sebaliknya, pelupusan tanah rizab akan telah menaikkan bangkangan tegas dari pelbagai pihak lain. Hal ini adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan dan memastikan bahawa orang Melayu berhak mendapat manfaat daripadanya serta mempunyai keistimewaan berbanding bangsa lain terhadap tanah air mereka sendiri.


Masyarakat Melayu perlu mengetahui secara terperinci mengenai Tanah Rizab Melayu. Ini kerana jika pemilik tanah itu sendiri mempunyai tahap pengetahuan yang rendah, maka banyak pihak-pihak lain akan mudah mengambil kesempatan dan manfaat daripada tanah rizab tersebut.

Sikap dan pengetahuan yang kurang dalam kalangan masyarakat Melayu menyebabkan Tanah Rizab Melayu sukar untuk dikekalkan. Boleh dikatakan kebanyakan pemilik Tanah Rizab Melayu tinggal di kawasan pendalaman atau kawasan kampung yang kebanyakan daripada mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang kurang untuk menguruskan tanah yang dimiliki oleh mereka dengan efisien. Di samping itu, kebanyakan daripada pemilik tanah tidak mempunyai pengalaman serta pengetahuan berhubung dengan pembangunan harta tanah. Tanpa adanya bimbingan dan pendedahan yang banyak daripada pelbagai pihak terutamanya dari pihak kerajaan, agak sukar bagi pemilik-pemilik tanah dalam usaha untuk mempertahankan tanah mereka.

Dalam temubual bersama pegawai daripada Pejabat Tanah dan Daerah Kulai iaitu Puan Nurul Naqiah binti Fadzil, Penolong Pentadbir Tanah 1 (Pelupusan Dan Pembangunan) ada menyatakan bahawa kebanyakan masalah yang timbul berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu adalah berpunca daripada pemilik tanah itu sendiri yang rata-rata dari mereka membuat keputusan secara sendiri tanpa berunding dan mendapatkan nasihat daripada pihak-pihak tertentu terutama apabila melakukan sebarang urusan niaga dan pembangunan terhadap tanah tersebut. Hal ini kerana kebanyakan daripada mereka mempunyai tahap pengetahuan yang kurang berkenaan cara mentadbir dan menguruskan tanah yang berstatus Rizab Melayu.

4.4.2 Nilai Pasaran Tanah Rizab Melayu

Menurut pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 (Pindaan 1983), mengikut undang-undang, pihak kerajaan telah menegaskan bahawa nilai Tanah Rizab Melayu tidak boleh terjejas oleh kerana statusnya sebagai Rizab Melayu. Secara umum, kebanyakan Tanah Rizab Melayu yang dijual adalah pada kadar harga yang lebih rendah kerana banyak pihak yang beranggapan bahawa Tanah Rizab Melayu mempunyai nilai yang jauh lebih rendah berbanding tanah-tanah yang bukan Rizab Melayu. Akibatnya, jurang antara Tanah Rizab Melayu dan tanah selain Rizab Melayu seolah-olah meningkat dari tahun ke tahun. Analisis kajian menunjukkan bahawa 60 peratus daripada responden menjual tanah mereka kerana ianya adalah sukar untuk dibangunkan dan mempunyai masalah untuk membangunkan tanah rizab Melayu.



Rajah 5 : Faktor yang menyumbang kepada penjualan Tanah Rizab Melayu

Ini kerana, terdapat pemilik tanah yang menjual tanah mereka pada harga yang lebih tinggi kepada orang Melayu sendiri atau dengan orang bukan Melayu. Sikap pemilik tanah yang masih mahu menjual tanah mereka kepada orang lain pada harga yang lebih tinggi kerana mereka mahu mengaut keuntungan. Ini adalah kerana hampir 87 peratus daripada responden tidak mempunyai apa-apa pembangunan pada mereka milik Tanah Rizab Melayu.

Menurut Puan Norhafizah Binti Aziz, Penolong Bahagian (Pembangunan), dari Pejabat Tanah dan Daerah Pontian,

“Sikap pemilik tanah yang tidak mahu mengusahakan tanah mereka bersendirian dengan lebih produktif menyebabkan tanah-tanah tersebut menjadi terbiar begitu sahaja. Hal ini yang menyebabkan mereka terfikir untuk menjualkan tanah milik mereka kepada pihak lain untuk diusahakan. Tambahan pula, terdapat juga dalam kalangan pemilik tanah yang menjual tanah mereka kepada orang bukan Melayu kerana mendapat tawaran harga yang lebih tinggi. Sikap pemilik tanah yang mahu mendapatkan keuntungan ini yang menyebabkan Tanah Rizab Melayu tidak dapat dikekalkan di tangan orang Melayu itu sendiri. Walaubagaimanapun, ada juga pemilik tanah yang membuat sewaan bagi tanah mereka kepada pihak lain dalam satu tempoh tertentu”.


Di samping itu, pemilik-pemilik Tanah Rizab Melayu juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada institusi-institusi kewangan untuk membangunkan tanah mereka sendiri kesan daripada nilai Tanah Rizab Melayu yang rendah. Lazimnya, pemilik-pemilik Tanah Rizab Melayu tidak mampu untuk memajukan tanah mereka dengan aktiviti yang produktif yang memerlukan modal yang besar. Ini menyebabkan tanah menjadi terbiar dan tidak mendatangkan sumber pendapatan yang setimpal. Hal ini kerana tidak semua pemilik Tanah Rizab Melayu mempunyai pendapatan yang tinggi. Kebanyakan antara mereka terdiri daripada penduduk kampung yang berpendapatan sederhana.

4.4.3 Lokasi dan Kemudahan Infrastruktur

Kebanyakan Tanah Rizab Melayu terletak di kawasan pedalaman dengan akses yang terhad dan kemudahan infrastruktur yang kurang. Kebanyakan Tanah Rizab Melayu yang diisytiharkan oleh kerajaan British suatu masa dahulu adalah merupakan tanah kampung atau tanah terbiar di mana nilai tanah adalah rendah. Sebahagian daripada tanah itu telah diabaikan oleh pemiliknya.

Lazimnya, Tanah Rizab Melayu berada di kawasan pedalaman serta mempunyai kualiti yang rendah. Ini disebabkan kebanyakan tanah yang luas serta berkualiti tinggi telah dimiliki oleh pemilik-pemilik estet yang diluluskan pada zaman penjajah. Tanah Rizab Melayu hanya berada di lembah-lembah dan kawasan-kawasan tanah gambut. Hal ini mungkin disebabkan kawasan tersebut sememangnya gemar didiami oleh masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu disebabkan mudah untuk mendapatkan air dan bercucuk tanam. Keadaan ini terjadi kerana pengisytiharan terhadap Tanah Rizab Melayu oleh kerajaan British bukan berdasarkan kepada kesesuaian tanah tetapi berdasarkan kepada kehendak mereka sendiri. Mana-mana kawasan tanah yang untuk dimajukan dan dibangunkan terutama yang terletak berhampiran dengan kawasan bandar telah dikecualikan daripada Rizab Melayu.

Analisi kajian menunjukkan 54 peratus daripada responden bersetuju bahawa salah satu halangan yang berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu adalah kemudahan dan infrastruktur yang tidak mencukupi. Dalam pada itu, hampir 80 peratus daripada responden bersetuju bahawa lokasi Tanah Rizab Melayu yang terletak di kawasan luar bandar menyebabkan tanah rizab Melayu sukar untuk berkembang. Oleh itu, pemilik tanah lebih cenderung untuk menjual tanah mereka kepada orang lain yang ingin membangunkan kawasan itu tanpa menggantikan asal dengan nilai yang sama di tempat lain.




Rajah 6 : Peratusan persetujuan responden terhadap halangan berkaitan Tanah Rizab Melayu

Perkara ini turut dibincangkan oleh Penolong Pendaftar Tanah (Pembangunan dan Pelupusan) dari Pejabat Tanah dan Daerah Segamat, Tuan Syed Norul Shahril bin Syed Nasir berkata,

“Walaupun terdapat kemudahan dan infrastruktur di kawasan Tanah Rizab Melayu, tetapi ia masih lagi tidak mencukupi dan perlu penambahbaikan dari segi kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti. Di samping itu, usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti kemudahan dan infrastruktur contohnya seperti cadangan untuk pelebaran jalan juga menimbulkan halangan di mana usaha untuk mendapatkan tanah tersebut secara pengambilan tanah bukanlah mudah untuk dilakukan kerana pihak-pihak yang terlibat dalam pengambilan tanah akan menggunakan pelbagai cara untuk mengecualikan tanah mereka daripada terlibat dengan pengambilan tanah berkenaan”.

4.4.4 Keberkesanan Sekatan Terhadap Tanah Rizab Melayu



Rajah 7 : Peratusan persetujuan responden terhadap keberkesanan sekatan terhadap Tanah Rizab Melayu

Hasil daripada analisis kajian, 65 peratus daripada responden bersetuju bahawa salah satu cabaran untuk mengekalkan Tanah Rizab Melayu adalah tahap keberkesanan sekatan terhadap urusan Tanah Rizab Melayu yang kurang berkesan walaupun ianya telah dinyatakan dengan tegas dalam Enakmen Rizab Melayu. Manakala 26 peratus tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan Sembilan peratus daripadanya tidak pasti.

Semua Enakmen Rizab Melayu menyediakan sekatan dalam berurusan dengan orang bukan Melayu. Larangan ini termasuk pelupusan Tanah Rizab Melayu kepada mana-mana orang bukan Melayu. Begitu juga dalam hal tanah bermilik, Tanah Rizab Melayu tidak boleh dijual, digadaikan atau dipajak kepada bukan Melayu tanpa mengira masa.

Tambahan pula, setiap negeri mempunyai senarai syarikat-syarikat dengan siapa pemilik Tanah Rizab Melayu boleh berurusan. Malangnya, walaupun pelbagai sekatan yang disediakan dalam Enakmen, banyak juga Tanah Rizab Melayu telah kehilangan hak pemilikan dan keistimewaan. disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab pemilik tanah yang membuat keputusan untuk menjual, menggadaikan atau menyewakan Tanah Rizab Melayu miliknya sama ada secara terbuka atau rahsia kepada orang bukan Melayu.

Tuan Syed Norul Shahril bin Syed Nasir dari Pejabat Tanah dan Daerah Segamat turut bersetuju dengan menyatakan bahawa orang-orang yang telah diamanahkan untuk memelihara dan melindungi tanah rizab itu gagal untuk memahami keperluan memelihara dan melindungi kepentingan tanah tersebut dan mengambil keputusan untuk membatalkan status rizab tanah dan tidak peduli untuk menggantikannya.

4.4.5 Pengambilan Tanah Rizab Melayu Oleh Pihak Tertentu

Antara perkara lain yang menjadi halangan untuk mengekalkan status Tanah Rizab Melayu adalah pengambilan tanah oleh pihak-pihak tertentu sebagai contoh pihak berkuasa mengambil tanah tersebut bagi tujuan pembangunan kemudahan awam atau bagi aksud lain tetapi tidak menggantikan semula tanah tersebut dengan mana-mana kawasan lain yang sama nilai dan keluasan serta mewartakan semula tanah tersebut sebagai Tanah Rizab Melayu. Kegagalan melakukan hal yang demikian telah menyebabkan keluasan Tanah Rizab Melayu pada masa kini semakin berkurangan.

Hasil analisis menunjukkan bahawa 60 peratus daripada responden bersetuju bahawa tanah yang diambil oleh segelintir pihak yang berkaitan tidak digantikan semula dengan kawasan yang baru dan terdapat sebahagian daripadanya menggantikan tanah tersebut tetapi bukan dengan nilai dan keluasan yang sama seperti Tanah Rizab Melayu yang telah diambil.

4.5 Kesimpulan

Daripada analisis kajian yang dijalankan oleh penulis, didapati bahawa hampir kesemua cabaran-cabaran bagi mengekalkan status Tanah Rizab Melayu seperti yang dinyatakan dalam Bab 2 sebelum ini iaitu tahap pengetahuan tentang Tanah Rizab Melayu oleh pemilik tanah itu sendiri, nilai pasaran Tanah Rizab Melayu, faktor lokasi dan kemudahan infrastruktur, keberkesanan sekatan ke atas Tanah Rizab Melayu dan pengambilan Tanah Rizab Melayu oleh pihak tertentu. Hasil temubual bersama dengan beberapa orang pegawai dari Pejabat Tanah dan Daerah, mereka bersetuju dengan cabaran-cabaran yang telah diutarakan oleh pemilik Tanah Rizab Melayu seperti yang dinyatakan dalam kajian soal selidik bersama pemilik tanah.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan berkenaan dengan cadangan kepada hasil kajian serta analisis yang telah dilakukan. Cadangan yang diberikan adalah diperolehi daripada beberapa orang pegawai dari Pejabat Tanah Dan Daerah dari beberapa daerah di kawasan kajian yang telah ditemuramah dan juga cadangan dari penulis sendiri.

Cadangan dan langkah-langkah ini boleh dijadikan sebagai Satu rujukan ataupun panduan kepada pihak yang berkaitan bagi memantapkan lagi usaha-usaha yang akan dilaksanakan. Di samping itu, penulis juga akan menerangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mengekalkan status Tanah Rizab Melayu pada masa kini. Justeru itu, diharapkan agar kajian ini dapat digunakan sebagai panduan bagi mengatasi masalah dan cabaran dalam mengekalkan status Tanah Rizab Melayu.

5.2 Cadangan Penyelesaian

Untuk mengekalkan status Tanah Rizab Melayu, terutama di kawasan kajian, terdapat beberapa langkah-langkah proaktif yang ditemui melalui hasil daripada kajian penulis sendiri melalui data primer dan idea-idea yang dikongsi dengan pemilik Tanah Rizab Melayu dan beberapa pegawai dari Pejabat Tanah dan Daerah. Beberapa cadangan adalah seperti yang berikut.

5.2.1 Mengisytiharkan Lebih Banyak Kawasan Sebagai Tanah Rizab Melayu

Untuk memperluaskan lagi kawasan yang berstatus Tanah Rizab Melayu, kerajaan boleh mengisytiharkan kawasan tanah rancangan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA) sebagai Tanah Rizab Melayu. Hal ini kerana masyarakat yang mendiami kawasan tanah rancangan ini terdiri daripada masyarakat Melayu dan ianya akan lebih mudah untuk dilaksanakan.

Di samping itu, kawasan baru yang akan dikurnikan semula boleh diisytiharkan sebagai kawasan Tanah Rizab Melayu supaya rizab tanah boleh dikekalkan walaupun Tanah Rizab Melayu yang pada asalnya telah diambil oleh beberapa pihak yang berkepentingan untuk dimajukan.

5.2.2 Memperketatkan Sekatan Urusniaga Terhadap Tanah Rizab Melayu

Sekatan undang-undang yang terdapat di dalam Enakmen Tanah Melayu yang menyekat Tanah Rizab Melayu daripada dijual, dipajak, dipindahmilik, dan digadaikan kepada orang bukan Melayu atau institusi kewangan yang bukan Melayu sepatutnya menyukarkan urusniaga yang berkaitan Tanah Rizab Melayu.

Walaupun telah wujud beberapa perkara yang telah menyekat urusniaga Tanah Rizab Melayu, tetapi masih lagi berlaku pelbagai urusniaga yang tidak dibenarkan seperti menjual Tanah Rizab Melayu kepada orang bukan Melayu, terutama untuk mendapatkan keuntungan yang besar kerana faktor-faktor ekonomi yang menggalakkan berlakunya perkara itu. Ini menyebabkan tanah itu tidak boleh digantikan dengan kawasan tanah yang baru dan menjadi penyumbang terbesar kepada pengurangan Tanah Rizab Melayu pada masa kini.

Oleh itu, pihak berkuasa perlu mengetatkan sekatan atau mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pemilik tanah yang berdegil dan masih melakukan perkara-perkara yang dilarang. Ini akan menjadikan pemilik tanah akan lebih berhati-hati sebelum menjalankan urus niaga, terutama dalam menjalankan urusniaga yang tidak dibenarkan.

Di samping itu, kerajaan juga perlu untuk memperbaiki syarat pemilikan Tanah Rizab Melayu supaya masyarakat Melayu tidak berasa terbeban dengan mempunyai atau menguruskan tanah mereka sendiri.

5.2.3 Mewujudkan Sistem Inventori Maklumat

Antara langkah-langkah proaktif lain yang boleh dilaksanakan untuk mengawal Tanah Rizab Melayu adalah mewujudkan inventori maklumat Tanah Rizab Melayu di setiap daerah supaya ia mudah untuk dikawal dan dikemaskini.

Oleh itu, semua Pentadbir Tanah bagi setiap daerah perlu melaporkan maklumat mengenai Tanah Rizab Melayu ke Pejabat Tanah dan Galian setiap enam bulan supaya semua perkara yang berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu boleh diselaraskan dan dikemaskini. Sistem inventori maklumat ini boleh berfungsi sebagai :

- i. Mengumpul, menyimpan dan mengemaskini rekod-rekod Tanah Rizab Melayu dan tanah yang bukan Rizab Melayu bagi memudahkan maklumat diperolehi.
- ii. Kerajaan boleh mengenalpasti tanah yang bukan Tanah Rizab Melayu seterusnya boleh membeli tanah tersebut sebagai esame Tanah Rizab Melayu yang telah di ambil. Pemilik tanah boleh juga melakukan permohonan sekiranya pihak kerajaan tidak dapat menyediakan tanah gentian.
- iii. Pemilik tanah yang ingin menukarkan status tanah yang bukan Rizab Melayu kepada Tanah Rizab Melayu juga boleh berunding esame pemilik tanah dan mencadangkan untuk memasukkan dan merekod maklumat tanah tersebut ke dalam sistem inventori maklumat.
- iv. Merekodkan maklumat berkaitan Tanah Rizab Melayu yang telah dibatalkan statusnya dan melibatkan jalan, parit, kawasan lapang bagi permohonan pembangunan Tanah Rizab Melayu yang lama.

5.2.4 Tidak Mengenaikan Caj Terhadap Tanah Rizab Melayu

Ramai berpendapat bahawa masa depan Tanah Rizab Melayu semakin kabur dan terdapat lagi banyak yang perlu dilakukan untuk merealisasikan tujuan asalnya. Adalah dicadangkan bahawa semua institusi kewangan yang berdaftar di bawah Akta Kewangan 1989 (Akta 372) atau Akta Bank Islam (Akta 276) tidak boleh menerima apa-apa caj terhadap Tanah Rizab Melayu. Tiada perbadanan sama ada ditubuhkan di bawah undang-undang persekutuan atau negeri tertakluk kepada kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri harus dibenarkan untuk menerima apa-apa gadaian Tanah Rizab Melayu.

Selain itu, cukai terhadap Tanah Rizab Melayu juga boleh dikurangkan untuk membolehkan pemilik tanah itu kekal memiliki tanah tersebut tanpa merasa terbeban walaupun kawasan Tanah Rizab Melayu itu tidak dibangunkan secara produktif.

5.2.5 Meningkatkan Kualiti Kemudahan Awam dan Infrastruktur

Di dalam hal ini, Pihak Berkuasa perlu menyediakan kemudahan awam dan infrastruktur yang sebaiknya terutama akses untuk ke kawasan Tanah Rizab Melayu seperti jalan, saliran air dan sebagainya untuk digunakan oleh pemilik tanah agar pemilik dapat membangunkan Tanah Rizab Melayu itu sendiri dengan lebih produktif tanpa memikirkan untuk menjual tanah tersebut kepada pihak lain.

5.3 Penemuan dan Pencapaian Objektif

Penguatkuasaan Enakmen Rizab Melayu ini memberi kesan yang positif dan kesan negatif ke atas pemeliharaan kawasan Tanah Rizab Melayu. Dari sudut positifnya, penguatkuasaan undang-undang ini menghalang segala bentuk urusan ke atas Tanah Rizab Melayu. Secara tidak langsung ia dapat menjamin kepentingan dan keistimewaan tanah-tanah Melayu. Manakala dari sudut negatif pula, penguatkuasaan undang-undang ini menyebabkan tanah-tanah dalam kawasan Tanah Rizab Melayu sukar dibangunkan dan mempunyai nilai yang lebih rendah di pasaran jika dibandingkan dengan tanah-tanah selain Tanah Rizab Melayu. Selain itu, urusan bagi Tanah Rizab Melayu juga hanya terhad kepada institusi-institusi Melayu. Dengan kemampuan dan kuasa beli yang rendah terhadap orang Melayu menyebabkan tanah ini sukar untuk dimajukan kecuali kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kawasan bandar.

Selain daripada itu, dalam Bab 2 juga penulis telah menerangkan dengan lebih jelas mengenai pengertian Melayu dan Tanah Rizab Melayu yang telah ditetapkan dalam Enakmen Rizab Melayu bagi beberapa negeri yang terlibat dan yang telah dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Di dalam bab tersebut juga ada menekankan berkenaan keluasan Tanah Rizab Melayu yang semakin berkurangan dan faktor yang menyebabkan berlakunya masalah tersebut.

Seterusnya dalam Bab 3 penulis telah menerangkan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan dari awal kajian untuk mencapai objektif kajian yang dikaji. Ia melibatkan 4 peringkat kajian iaitu kajian awalan, pengumpulan data dan maklumat, menganalisis maklumat serta membuat rumusan dan cadangan. Selain dari itu, dalam bab tersebut juga penulis telah menerangkan mengenai kawasan kajian yang dipilih dan responden yang terlibat yang terdiri daripada pemilik Tanah Rizab Melayu dan pegawai dari Pejabat Tanah Dan Daerah.

Bab 4 merupakan analisis yang dilaksanakan secara terperinci berkenaan cabaran-cabaran yang dihadapi untuk mengekalkan status Tanah Rizab Melayu. Analisis tersebut dibuat berdasarkan kajian soal selidik bersama pemilik Tanah Rizab Melayu dan temuramah bersama beberapa orang pegawai daripada Pejabat Tanah di beberapa daerah dalam kawasan kajian. Satu kesimpulan juga telah diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan oleh penulis.

Dalam kajian ini, penulis telah menetapkan beberapa objektif yang perlu dicapai. Objektif yang telah ditetapkan oleh penulis dari awal kajian adalah :

- i. Menenalpasti masalah dan cabaran yang berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu
- ii. Menenalpasti faktor yang menyebabkan pengurangan Tanah Rizab Melayu.
- iii. Mengkaji langkah-langkah bagi mengekalkan status Tanah Rizab Melayu

Objektif pertama iaitu menenalpasti masalah dan cabaran yang berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu berjaya dicapai oleh penulis di Bab 2 di mana penulis telah mendapatkannya dari data primer melalui kajian daripada bahan bacaan seperti buku, jurnal, artikel akhbar, kertas seminar dan buku yang berkaitan undang-undang. Objektif kedua iaitu menenalpasti faktor yang menyebabkan pengurangan Tanah Rizab Melayu telah dicapai oleh penulis menerusi Bab 4 di mana bab ini menghuraikan analisis yang telah dilaksanakan dan seterusnya telah memberikan penerangan berkaitan faktor yang menyebabkan pengurangan Tanah Rizab Melayu. Manakala bagi objektif yang terakhir iaitu mengkaji langkah-langkah bagi mengekalkan status Tanah Rizab Melayu telah dicapai dan dihuraikan menerusi bab terakhir iaitu Bab 5 di mana segala cadangan bagi langkah-langkah tersebut diperolehi menerusi cadangan dari penulis dan perkongsian daripada hasil kajian soal selidik dari pemilik Tanah Rizab Melayu dan temubual bersama pegawai dari Pejabat Tanah dan Daerah yang terpilih.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Isu yang telah dikaji oleh penulis adalah berkenaan Tanah Rizab Melayu yang agak sukar mendapat perhatian dari pelbagai pihak. Dalam kajian ini penulis telah mengenalpasti cabaran dan faktor yang menjadi penyumbang kepada pengurangan Tanah Rizab Melayu. Selain itu, melalui hasil kajian ini juga penulis telah memperolehi cadangan-cadangan yang berkaitan langkah-langkah yang boleh digunakan bagi mengekalkan status Tanah Rizab Melayu pada masa kini.

Justeru itu, bagi kajian seterusnya, penulis mencadangkan agar satu kajian dibuat mengenai cadangan pihak kerajaan yang mahu meminda Enakmen Rizab Melayu bagi membolehkan Tanah Rizab Melayu dipajak untuk tempoh yang lebih lama kepada orang bukan Melayu agar pemilik turut mendapat kelebihan dan keuntungan dari itu. Kajian tersebut haruslah menjurus kepada keberkesanan pindaan tersebut dan kesannya terhadap pemilik-pemilik tanah tersebut. Selain itu, penulis juga mencadangkan agar satu kajian dilaksanakan mengenai pengalaman pemilik Tanah Rizab Melayu yang pernah terlibat dalam pengambilan tanah yang berstatus Tanah Rizab Melayu oleh syarikat pemaju atau pihak kerajaan bagi tujuan pembangunan.

5.5 Kesimpulan

Masa depan Tanah Rizab Melayu adalah terletak di tangan orang Melayu itu sendiri. Sememangnya Enakmen Rizab Melayu mengandungi banyak sekatan tetapi ianya tidak sepenuhnya memberikan perlindungan yang mencukupi terhadap keistimewaan Tanah Rizab Melayu terutamanya jika terdapat penyalahgunaan dan penyelewengan oleh pemilik tanah tersebut. Tanah Rizab Melayu telah ditandakan dengan dakwat merah bagi menunjukkan kepentingannya terhadap masyarakat Melayu. Kepercayaan untuk melindungi tanah itu terletak di tangan banyak pihak yang berbeza seperti Pihak Berkuasa Negeri dan Majlis Raja-raja Melayu. Pentadbir Tanah dan ahli politik juga mempunyai peranan yang penting dalam menentukan masa depan Tanah Rizab Melayu.

Kesimpulannya, walau apa pun langkah yang diambil dan mungkin akan melibatkan pindaan kepada undang-undang dan pembentukan dasar ia sepatutnya bukan sahaja untuk pembangunan Tanah Rizab Melayu semata-mata tetapi juga perlu menjamin pengendalian pemilikannya di tangan orang-orang Melayu sehingga di suatu ketika mereka perlu bersaing dengan masyarakat lain. Usaha ini bukan sahaja terletak di bahu kerajaan semata-mata tetapi memerlukan komitmen dan sokongan dari semua pihak terutama orang Melayu itu sendiri.

Usaha yang paling penting ialah untuk meningkatkan tahap ekonomi orang Melayu sendiri melalui peningkatan pendidikan, kemahiran dan kegigihan. Hanya dengan cara ini orang Melayu akan berjaya dalam mempertahankan haknya dan berjaya duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa lain di negara ini.

RUJUKAN

Abdul Halim, R. (2014). *Tanah Rizab Melayu*. Diambil pada September 17, 2014 daripada <http://abdulhalimramli.blogspot.my/2014/09/tanah-rizab-melayu.html>

Azhar Abu Samah (2014, December 22). Tanah Rizab Ibarat Nyawa. *Berita Harian Online*. Diambil pada December 22, 2014, daripada <http://www.berita-harian-online.com>

Aziz Muda (2013). *Tanah Rizab Melayu Hanya 11.99 Peratus*. Diambil pada February 23, 2013 daripada <http://www.detikdaily.net/v6>

Emie Maizura, M. R. (2008). *Halangan Dalam Membangunkan Tanah Rezab Melayu Dari Perspektif Pemaju Di Alor Star, Kedah*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai

Perlembagaan Persekutuan 1957 (2005). *Perlembagaan Persekutuan*. Seperti pada 10 Oktober 2005.

Mohd. Azraie, M. Y. (2014, September 16). Tanah Rizab Melayu Hilang. *Utusan Melayu Online*. Diambil pada September 17, 2014, daripada <http://www.utusan.com.my>

Mohd Hasrul Haffiz, A. (2008). Tanah Rizab Melayu: Pihak-pihak yang Berkepentingan Di Dalam Perencanaan dan Masa depannya . *Academic Writing Journal*.

Muhammad Nuruddin, B. (2015). *Isu Tanah Rizab Melayu Terancam*. Diambil pada April 27, 2015 daripada www.landskapsiasah.blogspot.com

Nor Asiah, M. and Bashiran Begum, M. A. (2009). The Prospect And Challenges of Malay Reservation Land in 21ST Century. *Malaysian Journal of Real Estate* 4(2).

Pakhriazad, H. Z., Mohd Zaki, H., Mohd Asmadi, I., Khairil Wahidin A., and Hazandy, A. H. (2010). Malay Customary Tenure and Conflict on Implementation of Colonial Land Law in Peninsular Malaysia. *Journal of Law and Conflict Resolution* 4(2).

Resali Muda (2011). Melayu Definisi, Melayu Polisi dan Bukan Melayu Dalam Enakmen Tanah Rizab Melayu: Satu Tinjauan. *Jurnal Undang-Undang*.

Siti Nursyahidah, A. B. (2014, October 25). Tanah Rizab Melayu Dijual Demi Keuntungan Segera. *Sinar Harian Online*. Diambil pada October 26, 2014, daripada <http://www.sinar-harian-online.com>

Rosly Hanif, Wan Nor Azriyanti, Hamzah, A. R., Chen Wang, and Lincoln C. W. (2015). The Challenge of Rural Life Nostalgia: Barriers in Redevelopment of Malay Reserve Land (MRL) in Klang Valley. *City, Territory and Architecture Journal* 2(3).

LAMPIRAN A



FAKULTI GEOINFORMASI DAN HARTA TANAH

KEJURUTERAAN GEOMATIK

BORANG SOAL KAJI SELIDIK

**PROSPEK DAN CABARAN BAGI MENGEKALKAN STATUS
TANAH RIZAB MELAYU PADA ABAD KE-21**

Borang soal kaji selidik ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif bagi kajian ini. Berikut merupakan objektif-objektif yang hendak dicapai :

- 1) Mengenalpasti masalah dan cabaran yang berkaitan dengan Rizab Tanah Melayu
- 2) Mengenalpasti faktor yang menyebabkan pengurangan Rizab Tanah Melayu
- 3) Mengkaji langkah-langkah bagi mengekalkan status Rizab Tanah Melayu

Justeru itu, diharap pihak tuan/puan dapat membantu dalam mencapai objektif-objektif ini. Segala maklumat yang diberikan adalah SULIT dan hanya digunakan bagi tujuan kajian ini sahaja. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Nurnabihah Binti Zulkapar (0136946069) atau emelkan ke nurnabihahzulkapar@gmail.com. Kerjasama daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai. Sekian, terima kasih.

DI SEDIAKAN OLEH :

NURNABIHAH BINTI ZULKAPAR

PENYELIA :

SR. DR. TAN LIAT CHOON

BAHAGIAN A

LATAR BELAKANG RESPONDEN

1. Jawatan: _____
2. Jabatan / Agensi / Unit : _____
3. Pengalaman Bekerja : _____ Tahun

BAHAGIAN B

CABARAN TANAH RIZAB MELAYU

Sila tandakan (\checkmark) di ruang yang telah disediakan.

4. Pernahkah pihak tuan / puan mengendalikan kes berkaitan Tanah Rizab Melayu?

Jika ya, nyatakan bilangannya.

() Ya () Tidak

Bilangan : _____

5. Apakah kes yang sering diajukan oleh pemilik Tanah Rizab Melayu?

() pemilik ingin membuat pembangunkan di atas rizab tanah Melayu miliknya

() pemilik ingin memecah bahagikan tanah kepada beberapa bahagian

() pemilik ingin menjual tanah miliknya kepada orang lain

() pengambilan tanah Rizab Melayu oleh pihak kerajaan

Lain – lain (Sila Nyatakan) :

6. Adakah pihak tuan / puan mengalami sebarang masalah ketika menyelesaikan kes berkaitan Tanah Rizab Melayu?

Jika ada, nyatakan masalah tersebut

() Ya () Tidak

Masalah :

7. Wajarkah perkara-perkara berikut dilaksanakan bagi memastikan status Tanah Rizab Melayu diperlihara?

| | YA | TIDAK |
|--|-----------|--------------|
| Pihak berkuasa mengambil Tanah Rizab Melayu bagi aktiviti pembangunan yang boleh dimiliki oleh orang Melayu dan orang bukan Melayu | | |
| Pihak berkuasa mengambil Tanah Rizab Melayu tanpa menggantikan tanah tersebut dengan tanah yang sama nilai dan keluasan memandangkan tiada lagi tanah yang sesuai bagi menggantikannya | | |
| Pihak berkuasa mengambil Tanah Rizab Melayu tanpa menggantikannya dengan tanah tetapi diberikan dalam bentuk unit amanah | | |
| Mengurangkan sekatan terhadap Tanah Rizab Melayu agar ianya mudah dibangunkan oleh pemilik tanah itu sendiri tanpa perlu melakukan urusan dengan pihak bukan Melayu | | |
| Memperkuhkan lagi undang-undang yang berkaitan dengan urusan dan pembangunan tanah yang berkaitan yang berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu | | |
| Pihak berkuasa mengenakan tindakan yang berat kepada pemilik Tanah Rizab Melayu yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan | | |

BAHAGIAN C
CADANGAN PENDAPAT

1. Pada pendapat anda, perlukah Tanah Rizab Melayu ini dipertahankan?
Nyatakan alasan anda.

2. Pada pendapat anda,apakah faktor yang menyebabkan pengurangan Rizab Tanah Melayu pada masa kini?

3. Bagaimanakah caranya bagi bagi mengatasi masalah tersebut?

SEKIAN, TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA YANG ANDA BERIKAN

LAMPIRAN B



FAKULTI GEOINFORMASI DAN HARTA TANAH

KEJURUTERAAN GEOMATIK

BORANG SOAL KAJI SELIDIK

**PROSPEK DAN CABARAN BAGI MENGEKALKAN STATUS
TANAH RIZAB MELAYU PADA ABAD KE-21**

Borang soal kaji selidik ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif bagi kajian ini. Berikut merupakan objektif-objektif yang hendak dicapai :

- 4) Mengenalpasti masalah dan cabaran yang berkaitan dengan Rizab Tanah Melayu
- 5) Mengenalpasti faktor yang menyebabkan pengurangan Rizab Tanah Melayu
- 6) Mengkaji langkah-langkah bagi mengekalkan status Rizab Tanah Melayu

Justeru itu, diharap pihak tuan/puan dapat membantu dalam mencapai objektif-objektif ini. Segala maklumat yang diberikan adalah SULIT dan hanya digunakan bagi tujuan kajian ini sahaja. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Nurnabihah Binti Zulkapar (0136946069) atau emelkan ke nurnabihahzulkapar@gmail.com. Kerjasama daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai. Sekian, terima kasih.

DI SEDIAKAN OLEH :

NURNABIHAH BINTI ZULKAPAR

PENYELIA :

SR. DR. TAN LIAT CHOON

BAHAGIAN A**LATAR BELAKANG RESPONDEN**

Sila penuhkan dan tandakan (✓) di ruang yang telah disediakan

1. Nama _____ :

2. Alamat: _____

3. No. _____ Tel/ _____ No. _____ Fax _____ :

4. Jantina

() Lelaki () Perempuan

5. Umur

() 30-35 Tahun () 36-40 Tahun () 40-45 Tahun () 45 ke atas

BAHAGIAN B**CABARAN TANAH RIZAB MELAYU**

Sila tandakan (✓) di ruang yang telah disediakan

1. Adakah anda memiliki tanah yang berstatus Rizab Melayu?

() Ya () Tidak

2. Adakah terdapat sebarang pembangunan di atas tanah anda?

() Ya () Tidak

3. Tandakan pilihan jawapan mengikut tahap pengetahuan anda

3 = Tinggi 2 = Sederhana 1 = Rendah

| | 3 | 2 | 1 |
|---|----------|----------|----------|
| Sejauh mana pengetahuan anda terhadap Tanah Rizab Melayu | | | |
| Perlukah Tanah Rizab Melayu ini dipertahankan dan dikekalkan pada masa kini | | | |
| Adakah Rizab Tanah Melayu ini memberikan impak kepada bangsa Melayu | | | |
| Sejauh manakah keberkesanan undang-undang yang berkaitan Tanah Rizab Melayu dengan perlaksanaannya kepada masyarakat umum | | | |

4. Pernahkah anda memikirkan atau mengalami situasi seperti berikut terhadap Tanah Rizab Melayu milik anda?

| | Ya | Tidak |
|---|-----------|--------------|
| Menjual Tanah Rizab Melayu untuk mendapatkan keuntungan | | |
| Menjalankan urusanniaga Tanah Rizab Melayu dengan orang bukan Melayu | | |
| Tanah Rizab Melayu diambil oleh pihak berkuasa bagi menjalankan aktiviti pemmbangunan | | |
| Mencagarkan Tanah Rizab Melayu kepada pihak lain dalam tempoh masa tertentu | | |
| Menjual tanah yang berstatus Rizab Melayu kerana ianya sukar untuk dibangunkan | | |
| Mengalami masalah ketika ingin membangunkan kawasan Tanah Rizab Melayu | | |

Bagi soalan 5 di bawah, anda diminta menandakan (\surd) di ruang yang telah disediakan mengikut tahap persetujuan anda.

5. Pernyataan di bawah merupakan beberapa halangan yang berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan-pernyataan berikut?

1 = Sangat Bersetuju 2 = Bersetuju 3 = Tidak Bersetuju 4 = Tidak Pasti

| | 1 | 2 | 3 | 4 |
|---|----------|----------|----------|----------|
| Lokasi Tanah Rizab Melayu terletak di kawasan pendalaman | | | | |
| Keluasan Tanah Rizab Melayu kecil dan dimiliki oleh ramai pemilik | | | | |
| Kemudahan dan infrastuktur yang tidak mencukupi di kawasan Tanah Rizab Melayu | | | | |
| Undang-undang menyekat urusanniaga kepada orang bukan Melayu | | | | |
| Pemilik tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi berhubung dengan Tanah Rizab Melayu | | | | |

Lain-lain (Sila Nyatakan)

6. Wajarkah perkara-perkara berikut dilaksanakan bagi memastikan status Tanah Rizab Melayu diperlihara?

| | YA | TIDAK |
|--|-----------|--------------|
| Pihak berkuasa mengambil Tanah Rizab Melayu bagi aktiviti pembangunan yang boleh dimiliki oleh orang Melayu dan orang bukan Melayu | | |
| Pihak berkuasa mengambil Tanah Rizab Melayu tanpa menggantikan tanah tersebut dengan tanah yang sama nilai dan keluasan memandangkan tiada lagi tanah yang sesuai bagi menggantikannya | | |
| Pihak berkuasa mengambil Tanah Rizab Melayu tanpa menggantikannya dengan tanah tetapi diberikan dalam bentuk unit amanah atau wang tunai | | |
| Mengurangkan sekatan terhadap Tanah Rizab Melayu agar ianya mudah dibangunkan oleh pemilik tanah itu sendiri tanpa perlu melakukan urusan dengan pihak bukan Melayu | | |
| Memperkukuhkan lagi undang-undang yang berkaitan dengan urusan dan pembangunan tanah yang berkaitan yang berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu | | |
| Pihak berkuasa mengenakan tindakan yang berat kepada pemilik Tanah Rizab Melayu yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan | | |

BAHAGIAN C
CADANGAN PENDAPAT

4. Pada pendapat anda, perlukah Tanah Rizab Melayu ini dipertahankan?
Nyatakan alasan anda.

5. Bagaimanakah caranya bagi bagi mengatasi masalah tersebut?

SEKIAN, TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA YANG ANDA BERIKAN